

PERANAN DAN KEDUDUKAN WANITA ADAT PERPATIH¹

Oleh
Norhalim Hj. Ibrahim²

Pengenalan

Masyarakat Adat Perpatih dalam Negeri Sembilan merupakan salah satu daripada masyarakat nasab ibu yang masih ada di dunia dan satu-satunya di Malaysia. Bilangan anggota masyarakat pengamal Adat Perpatih ini agak kecil dan kebanyakannya terhad tinggal dalam enam daripada tujuh daerah Negeri Sembilan iaitu Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin.

Bilangan dan ruang taburan pengamal Adat Perpatih ini mungkin terhad, namun sistem kekeluargaannya yang unik menarik perhatian dan minat para pegawai pentadbiran penjajah, pengembara, pendakwah Kristian, sarjana dan individu-individu lain untuk mengkaji, meneliti dan menulis tentangnya. Berikutan dengan itu, Prof. Josselin de Jong (1960:376) menyatakan bahawa Adat Perpatih menjadikan kajian tentang Negeri Sembilan lebih banyak dan lebih lengkap berbanding dengan negeri-negeri Melayu lain. Minat ini tidak pernah luntur hingga hari ini. Justeru banyak penulisan sama ada dalam bentuk buku, artikel akademik dan artikel popular diterbitkan.

Jika diteliti pendokumentasian yang ada tentang Adat Perpatih menampakkan satu ironi. Adat Perpatih dan Negeri Sembilan terkenal dan menarik perhatian serta minat semua lapisan masyarakat kerana sistem keibuannya iaitu sistem yang meletakkan wanita pada satu taraf yang tinggi berbanding dengan taraf wanita dalam masyarakat lain, termasuk masyarakat barat. Penulisan tentang Adat Perpatih menyentuh pelbagai aspek tentang adat dan masyarakat pengamalnya. Kebanyakan penulisan mengutarakan kepentingan wanita dalam masyarakat nasab ibu. Antara lain: wanita sebagai tali penyambung keseluruhan sistem adat, dan kepada wanita diberi kepercayaan menjaga tanah dan harta pusaka, menjadi akar tunjang ekonomi dan politik Adat Perpatih. Walaupun wanita menjadi pusat dalam ideologi dan organisasi sosial Adat Perpatih, kajian, penyelidikan dan penulisan tentang peranan, tanggungjawab serta aspek-aspek lain tentang wanita Adat Perpatih dalam konteks masyarakat nasab ibu, sangat sedikit.

Sejauh yang diketahui, penulisan tentang wanita dalam Adat Perpatih sangat sedikit dan penerbitannya sangat berjarak antara satu dengan lain. Mungkin sarjana terawal yang merujuk wanita adat secara tidak langsung ialah M.G. Swift (1963) dalam satu penulisan ringkas tentang kaum lelaki dan perempuan di Negeri Sembilan.

Sejak itu, beberapa orang sarjana telah mengikut langkahnya. Antaranya ialah Azizah Kassim (1970, 1974, 1976, 1985, 1986 dan 1988), Azis Ujang (1975), Maila Stivens (1981, 1985), dan M.G. Peletz (1987).

Kebolehdapatan bahan-bahan kajian dan penulisan tentang wanita ini tidak banyak memberi kejernihan tentang status mereka dalam masyarakat Adat Perpatih. Masyarakat umum di Malaysia, terutama sekali di luar wilayah adat, sering menganggap wanita adat sebagai bersuara lantang, mendominasi dan berkuasa atas kaum lelaki dalam keluarganya. Gambaran negatif wanita Negeri Sembilan sering dinyatakan dalam pelbagai bentuk. Mungkin yang paling popular ialah penggunaan teg *Benson & Hedges*. Teg ini membawa maksud *Bilo eden nikah samo orang nogori, Harto eden dan gaji eden solosai*.

Prinsip Dasar Adat Perpatih

Organisasi sosial Adat Perpatih berasaskan sekurang-kurangnya enam prinsip iaitu:

1. keturunan dikesan melalui garis ibu iaitu sistem kekeluargaan nasab ibu.
2. berdasarkan prinsip nasab ibu, masyarakat dikelompokkan kepada suku, perut, ruang dan rumpun. Pada teorinya terdapat 12 suku³ yang mempunyai nama tertentu. Setiap suku diketuai oleh seorang pemimpin yang dipanggil lembaga. Suku dipecahkan kepada kelompok kekeluargaan perut yang diketuai oleh buapak. Perut dipecahkan kepada kelompok ruang dan dipimpin oleh besar. Ruang pula dipecahkan kepada rumpun yang dipimpin oleh kadim. Setiap pemimpin kelompok mempunyai gelaran tertentu melainkan kadim. Semua jawatan pemimpin disandang oleh kaum lelaki.
3. setiap suku diompokkan tanah yang kini dikenali sebagai tanah pusaka adat. Tanah adalah kepunyaan suku dan diompokkan kepada wanita dan diwariskan melalui wanita. Anggota lelaki diberi hak pakai seumur hidup.
4. pemilihan jodoh ialah eksogami iaitu mencari jodoh dari luar kelompok kekeluargaan. Namun, unit eksogami ini berbeza: ada larangan peringkat kahwin sesuku dan ada pula hanya larangan kahwin seperut.
5. pewarisan harta dan status adalah melalui garisan wanita.
6. tempat tinggal selepas kahwin bersifat ukorilokal iaitu lelaki (suami) tinggal di rumah atau dalam kawasan keluarga perempuan (isteri).

Kedudukan Wanita dalam Adat Perpatih

Dalam konteks tradisional, terutama dalam tahun-tahun sebelum merdeka, sistem kekeluargaan nasab ibu menjadi dasar bagi organisasi sosial, ekonomi dan politik pada peringkat kampung dan suprakampung. Untuk kesinambungan sistem ini, kelompok kekeluargaan harus dikekalkan dan ini hanya dapat dicapai melalui wanita. Dengan demikian, dalam masyarakat Adat Perpatih wanita atau dalam istilah adat dipanggil *ibu soko* diberi tempat utama dan sentral serta dimuliakan. Kedudukan ini dilembagakan dalam perbilangannya:

Ibu soko:

Tiang seri rumah pusaka,
Pusat jala kumpulan tali,
Semarak dalam kampung;
Hiasan dalam negeri.

Tanpa anak perempuan yang bakal menjadi ibu soko, sesuatu keluarga akan pupus. Kepupusan sesuatu keluarga akan memberi kesan kepada keseluruhan kelompok suku yang dianggotai oleh keluarga berkenaan. Justeru setiap keluarga adat perlu mendapat sekurang-kurangnya seorang anak perempuan. Ketiadaan anak perempuan dalam sesebuah keluarga dianggap sebagai satu bencana, dan seorang wanita yang tidak mempunyai anak perempuan sering dikasihani. Pada kebiasaannya, apabila timbul keadaan seperti ini, sesuatu keluarga itu akan mengatasinya dengan mengambil anak angkat yang diistilahkan sebagai *berkodin*⁴.

Justeru dalam masyarakat Adat Perpatih tradisional, selain panggilan ibu soko, wanita dikenali juga sebagai *peti benian*. Konsep *peti benian* ini dapat dilihat daripada dua aspek iaitu:

1. Tanggungjawab
2. Peranan

Tanggungjawab Wanita Adat Perpatih

Sebagai ibu soko dan *peti benian* kepada anggota kelompok kekeluargaannya, tanggungjawab wanita adat sangat luas. Antara lain adalah:

1. melaksanakan ketentuan agama dan adat.

Setiap wanita masyarakat Adat Perpatih merupakan peniti atau tali keturunan dan ibu contoh keluarga dan masyarakatnya. Dengan demikian mereka harus memelihara diri bersesuaian dengan perbilangannya:

Adat bersendikan syarak,
Syarak bersendikan kitabullah.

Mereka menjadi ikutan kepada generasi muda. Justeru mereka harus menunjukkan turas taulan yang baik dalam aspek keagamaan dan adat.

3. bertanggungjawab meneruskan jurai keturunan kelompok kekeluargaannya.

Semua anak yang lahir adalah mengikut suku ibunya dan tidak menurut suku bapa. Justeru hubungan antara anak dan keluarga (suku) ibu lebih rapat. Lebih lanjut lagi pensosialisasian dan pendidikan anak akan lebih dipengaruhi oleh lingkungan keluarga ibu.

4. bertanggungjawab memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat yang berguna dan bersikap madani.

Kewajipan ini selari dengan kehendak perbilangan *pusat jala kumpulan tali*. Berdasarkan perbilangan ini maka adalah menjawa kewajipan wanita adat sama ada sebagai individu atau kumpulan mengatasi kebuntuan hidup, memelihara tingkah laku ataupun menjaga keharmonian anggota keluarga dan kelompok kekeluargaannya yang lebih besar hingga ke tahap suku. Dengan kata lain wanita harus menjadi pendidik unggul kepada *kelompok kekeluargaannya* supaya anggota generasi berikutnya menjadi ahli masyarakat yang bertanggungjawab, bermoral, beretika dan maju.

5. memelihara harta pusaka.

Wanita adat sudah terbiasa dan terlatih sebagai pelaku ekonomi. Justeru tanggungjawab mereka dalam mengendalikan harta pusaka adalah sama pentingnya walaupun tidak lebih penting berbandingkan dengan dua tanggungjawab yang dinyatakan di atas. Di Negeri Sembilan pada zaman aktiviti bersawah padi masih aktif, pelaku utama dalam kegiatan *pertahunan*⁵ adalah wanita.

6. bertanggungjawab sebagai penguasa tanah dan rumah pusaka.

Wanita Adat Perpatih mempunyai tanah, rumah tempat tinggal, sawah dan ladang. Tegasnya semua harta diompokkan kepada wanita dan lelaki bertugas dan bertanggungjawab untuk mengurus, mengawasinya dan memelihara serta menambah harta demi kepentingan kelompok kekeluargaan anak-anaknya.

Walaupun wanita diompokkan hak dan "kuasa" ke atas harta, namun dalam pentadbiran rumahtangga, suami atau orang semenda masih bertanggungjawab dan "berkuasa". Keadaan ini diperuntukkan oleh perbilangan:

Bendul yang empat:

Semenda nan punya.

Tanggungjawab Wanita terhadap Harta Pusaka

Pada awal tadi dinyatakan bahawa dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih wanita sahaja yang berhak mewarisi dan mewariskan tanah pusaka. Sistem pewarisan sedemikian ini menjadi persoalan kepada masyarakat umum, malahan hari ini, generasi muda lelaki adat pun mempersoalkannya. Pandangan dan anggapan negatif terhadap sistem ini berpunca daripada ketidakfahaman masyarakat, baik di luar mahupun di dalam, tentang konsep dan semangat pentadbiran harta pusaka adat.

Semua harta adalah hak kepada suku dan bukan hak individu, bahkan harta pencarian suami isteri juga dianggap kepunyaan suku isteri selagi perkongsian hidup pasangan itu berpanjangan. Oleh yang demikian, tanah termasuk proses pewarisannya adalah di bawah pentadbiran pemimpin-pemimpin adat suku si isteri. Antara ciri tanah pusaka Adat Perpatih adalah:

1. hak milik yang diberi kepada masyarakat Adat Perpatih adalah hak milik terhad,
2. untuk pembahagian dan pemindahan hak milik seseorang harus mendapat kebenaran waris dan lembaga (ketua suku),
3. waris dan ketua suku berhak menahan penjualan tanah pusaka kepada suku lain.

Harta carian setelah diwarisi oleh anggota perempuan akan dianggap sebagai tanah pusaka adat. Adat Perpatih membezakan tanah pusaka dan tanah bukan pusaka. *Tanah pusaka* ialah tanah yang diwarisi turun temurun, daripada ibu kepada anak perempuan dan begitu seterusnya kepada keturunan perempuan. Manakala *tanah bukan pusaka* ialah tanah carian suami isteri atau carian bujang, sama ada melalui pembukaan tanah baru atau melalui pembelian tanah yang sememangnya bukan tanah pusaka suku. Tanah bukan pusaka boleh diwarisi oleh anggota lelaki selagi tanah itu tidak diwarisi oleh anggota perempuan. Namun, jika tanah bukan pusaka itu diwariskan kepada anak perempuan tanah itu menjadi tanah pusaka suku perempuan berkenaan.

Hak individu atas tanah pusaka disebut sebagai *hak pakai*. Kuasa hak pakai dalam Adat Perpatih dikenali sebagai *genggam nan beruntuk* yang bermakna diuntukkan (istilah adat *diompokkan*) kepada pemegang yang ditentukan iaitu wanita. Adat membenarkan waris lelaki mendapatkan hak pakai (*life occupancy*) pada tanah pusaka, dalam erti ia boleh mengusahakan tanah tersebut untuk mendapat hasil semasa hayatnya.

Pewarisan tanah pusaka adat adalah berdasarkan kepada waris perempuan terdekat. Peraturan ini sesuai seperti kehendak perbilangan:

Harta pusaka turun pada anak
Tiada anak, waris kodin

Tiada waris kodin, waris bersanak
Tiada waris bersanak:
Terpulang pada suku.

Sistem pembahagian tanah pusaka kepada waris-waris yang berhak berdasarkan kepada prinsip sama rata. Jika waris yang berhak hanya seorang, ia akan mewarisi kesemua harta itu. Namun, jika yang berhak itu lebih daripada seorang, harta itu akan dibahagikan sama rata mengikut jumlah yang berhak tanpa memberi keistimewaan kepada sesiapa.

Berlandaskan semangat, konsep dan sistem pewarisan harta pusaka serta meneliti semula peranan dan tanggungjawab wanita dalam masyarakat Adat Perpatih seperti dihuraikan di atas, maka ada beberapa sebab mengapa tanah pusaka diwariskan kepada anggota perempuan, antaranya adalah:

1. untuk memberi jaminan hidup kepada anggota perempuan kerana perempuan yang melahirkan ahli-ahli suku dan menentukan kualiti maruah suku tersebut,
2. adat juga menetapkan bahawa dalam perceraian suami isteri anak tetap tinggal kepada ibu atau keluarga perempuan ibunya kerana anak adalah anggota suku ibunya. Justeru memandangkan dari segi tanggungjawab, adat menetapkan wanita sahaja yang berhak mewarisi tanah pusaka,
3. obligasi wanita terhadap saudara lelakinya iaitu kaum perempuan perlu menjaga kaum lelaki dalam beberapa hal seperti termaktub dalam perbilangan:
 - cicir dipungut,
 - hilang dicari,
 - nyawa, darah,
 - waris yang punya;
 - rugi, laba isteri yang punya.
4. Perempuan yang mewarisi tanah pusaka diharapkan menunaikan tanggungjawab yang dikenali sebagai *hutang pusaka*, antaranya ialah:
 - i. belanja mengisi adat nikah kahwin
 - ii. denda-denda yang berhubung dengan kesalahan perkahwinan
 - iii. membayar hutang lelaki bujang yang mati
 - iv. memberikan tempat tinggal di rumahnya ketika lelaki belum berkahwin
 - v. perbelanjaan upacara penyelenggaraan kematian
 - vi. perbelanjaan menuntut ilmu agama
 - vii. membantu dalam perbelanjaan menunaikan haji ke Mekah.
5. Perempuan yang mewarisi tanah pusaka tidak berhak menggadaikan atau menjual tanah pusaka kecuali atas sebab yang dibenarkan oleh adat dan dibenarkan oleh waris-waris dan ketua adat.

Peranan

Berikutan dengan tanggungjawab yang diperuntukkan, wanita adat harus berperanan membina satu masyarakat yang dinamik, stabil, harmoni dan madani. Untuk mencapai tahap masyarakat unggul wanita adat harus bertindak, antara lain:

1. menyimpan dan menjaga hasil kegiatan ekonomi anggota keluarganya. Adat menganggap wanita mempunyai ketahanan dan pertimbangan yang baik dalam menguruskan ekonomi keluarga.
2. pelindung dan pemelihara anggota kelompok kekeluargaannya.
3. berhak untuk bersuara dalam segala hal yang berkaitan dengan kelompok kekeluargaan, sama ada sosial, ekonomi, politik dan kepercayaan.
4. mempunyai hak suara yang sama dengan kaum lelaki walaupun dalam kerapatan atau perkampungan mereka berada di bahagian dalam. Segala sesuatu yang akan diputuskan dan dilaksanakan harus mendapat persetujuan kaum wanita.
5. sejajar dengan kehendak Islam yang menyatakan *syurga itu terletak di bawah tapak kaki ibu*, adat meletakkan wanita itu sebagai anggota masyarakat yang istimewa dan mempunyai karisma yang harus disegani dalam kelompok kekeluargaan dan dalam masyarakat. Justeru adat mengaturkan bahawa wanita itu:

Pergi tempat bertanya,

Pulang tempat berberita.

6. memastikan kesinambungan keseluruhan budaya dan sistem kemasyarakatan Adat Perpatih.
7. sebagai contoh dan model insan yang bertanggungjawab, berperanan, bermoral, beretika dan berkemampuan serta memajukan diri ke arah yang lebih positif dan dinamik. Tegasnya mempunyai jati diri yang mapan dan sukar digugat oleh mana-mana pihak.

Ciri-ciri Wanita Adat Perpatih

Sebagai peti benian, adat mengaturkan dan memerlukan masyarakat pengamalnya mendidik dan membentuk peribadi murni dalam diri anak, khususnya anak perempuan. Antara sifat yang perlu disosialisasikan, dibudayakan dan diinternalisasikan adalah:

1. mempunyai sifat malu.

Sifat ini perlu supaya anak tidak menjatuhkan maruah keluarga (rumpun), ruang, perut, suku, seterusnya negeri dan negara kerana:

malu tak dapat diagih,

suku tak dapat dianjak,

malu seorang malu semua.

2. sentiasa bersifat benar dalam perbuatan, perkataan, tingkah laku dan sebagainya; dan menjauhi sifat dusta.

3. bersifat jujur dan dapat dipercayai lahir dan batin.

Sebagai orang beradat dan peti benian anggota masyarakat adat harus menjauhi sifat penipu, pembohong dan sifat-sifat negatif lain seperti yang diaturkan oleh adat:

Menggunting dalam lipatan,
Menuhuk kawan seiring,
Memukul kucing di dapur,
Memasang jerat di pintu,
Pepat di luar runcing di dalam,
Telunjuk lurus kelingking berkait.

4. bersifat cerdik, tahu dan pandai.

Cerdik bermaksud mengetahui mudarat dan manfaat, untung dan rugi daripada sesuatu perbuatan dan tindakan; mengetahui mana yang salah dan yang tidak pada tempatnya, dan tahu segala yang menjadi larangan dalam pergaulan. Pandai pula bererti anggota masyarakat adat harus pandai meletakkan sesuatu pada tempatnya.

5. pandai bercakap kerana orang Adat Perpatih harus berani menyatakan pendapat, pandangan dan peningkahan melalui kata-kata puisi khususnya perbilangan. Di samping itu mereka juga bertanggungjawab dan berperanan mendidik dan mensosialisasikan generasi muda dalam kelompok kekeluarganya.

Wanita dan Politik Adat

Struktur politik Adat Perpatih berdasarkan kepada kelompok kekeluargaan. Pemimpin dipilih oleh ahli kelompok kekeluargaan; daripada yang paling rendah (besar⁶), hingga ke jawatan yang paling tinggi (undang⁷/penghulu⁸). Setiap jawatan pemimpin diturunkan secara bergilir, tidak daripada bapa kepada anak. Pemimpin masyarakat dalam Adat Perpatih diberikan kepada kaum lelaki.

Walapun pemegang jawatan adat ini lelaki, namun wanita berperanan dalam menentukan kesinambungannya. Antara lain peranan wanita dalam bidang politik adat ialah:

1. gelaran dan status yang dibawa bersama dalam sistem kepimpinan adat itu diturunkan melalui wanita. Apabila berlaku kekosongan, jawatan tersebut diturunkan kepada anak lelaki senasab ibu.
2. Dalam memilih ketua-ketua adat, wanita yang dikenali sebagai *ibu soko*⁹ memainkan peranan utama. Pada zaman tradisional, ibu soko yang mencari, memilih dan mengemukakan *benih* (calon) untuk sesuatu jawatan adat. Justeru

wanita, terutamanya ibu soko harus hadir bersama dalam proses-proses perkampungan dan kerapatan untuk memilih dan melantik ketua adat.

Sumbang Wanita Adat

Wanita adat sebagai ibu soko atau peti benian, seperti dinyatakan dan dibayangkan di atas merupakan seorang pemimpin dalam espek sosial, ekonomi malahan secara tidak langsung dalam politik adat. Sebagai seorang yang dimuliakan kerana karisma, kecerdasan dan kepiawaiannya dalam memimpin dan mengelola anggota kekelompok kekeluargaan sukunya, mereka harus menjaga kedudukan diri sendiri, dapat membezakan baik dan buruk, halal dan haram dalam semua aktiviti kehidupannya. Untuk menjaga kedudukan ini, dalam tingkah laku dan bergaul di tengah masyarakat, adat mengatur beberapa larangan bagi seseorang wanita. Antara yang utama adalah:

1. sumbang duduk
Seseorang wanita sumbang duduk di tempat lelaki banyak, di muka pintu atau tingkap, duduk seperti lelaki dan sebagainya.
2. sumbang berdiri
Seseorang wanita tidak patut berdiri di persimpangan jalan tanpa sebab-sebab tertentu.
3. sumbang perjalanan
Seseorang wanita sumbang berjalan berdua-dua dengan lelaki di tempat yang sunyi dan gelap.
4. sumbang diam
Seseorang wanita sumbang tinggal di tempat lelaki banyak, bahkan sumbang tinggal berdua-dua dengan ayah tiri dan abang tiri
5. sumbang perkataan
Seseorang wanita sumbang berkelakar, ketawa kuat dan mengilai di hadapan lelaki.
6. sumbang penglihatan
Seseorang wanita sumbang merenung tajam kepada orang lain atau kepada barang milik orang lain.
7. sumbang pakaian
Seseorang wanita sumbang berpakaian yang melanggar hukum syarak, adat serta berpakaian seperti lelaki.
8. sumbang pergaulan
Seseorang wanita sumbang duduk, berkata-kata, bersenda gurau dan ketawa kuat dengan lelaki yang bukan muhrimnya.
9. sumbang pekerjaan
Seseorang wanita sumbang mengerjakan pekerjaan berat yang merupakan pekerjaan lelaki.
10. sumbang tanya

Seseorang wanita sumbang mengajukan pertanyaan yang menyinggung orang lain.

11. sumbang jawab

Seseorang perempuan sumbang menjawab pertanyaan orang lain dengan tergesa-gesa.

12. sumbang karenah

Seseorang perempuan sumbang tingkah laku yang tidak menyenangkan orang lain seperti berbisik-bisik, bercakap sambil melihat kepada orang lain dan sebagainya.

Sesuaian dengan keperluan dan penerimaan seorang wanita terhadap aturan dan kehendak agama, adat dan kebiasaan bagi seorang ibu soko atau peti benian Adat Perpatih, maka Adat Perpatih mengelompokkan wanita kepada tiga golongan, iaitu:

1. simarewan

Wanita yang suka mempunyai sifat suku mengacau dan tidak mempunyai pendirian.

2. mambang tali awan

Wanita yang sombong dan tidak menepati sumbang-sumbang yang diatur oleh oleh agama dan adat.

3. perempuan

Wanita yang baik yang mempunyai sifat terpuji menurut agama dan adat yang dilengkapi dengan segala percakapan, pengetahuan dan tingkah laku sebagai seorang wanita dan memperhatikan dan mengamalkan aturan pergaulan dalam masyarakat adat.

Penutup

Huraian ringkas di atas, sama ada secara langsung dan tidak langsung telah menyentuh kepentingan wanita Adat Perpatih dalam aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik masyarakat yang dianggotainya. Hak-hak ini dalam konteks zaman tradisional meletakkan wanita dalam satu kedudukan istimewa dan kuasa autonomi. Justeru, sebelum wanita barat menjerit melalui gerakan kewanitaan (*feminist movement*)¹⁰, menuntut hak sama dengan lelaki, Adat Perpatih telah terlebih dahulu menyerahkan hak tersebut, walaupun tidak secara terbuka, kepada anggota wanitanya.

Dalam memberikan hak kepada wanita, Adat Perpatih telah memberi lebih daripada apa yang dituntut oleh wanita yang kononnya 'moden' sekarang. Adat Perpatih bukan sahaja memberi kedudukan yang setaraf dengan kaum lelaki, tetapi

bertindak lebih lanjut lagi. Wanita dimuliakan dan diberi hak yang sama dengan lelaki malahan hak mewarisi tanah pusaka. Namun sebagai balasan kepada keistimewaan ini, yang tidak akan diperolehi secara otomatis oleh wanita barat, Adat Perpatih memberi tanggungjawab serta peranan yang harus dipikulnya demi menjaga keutuhan, keharmonian dan keselamatan anggota keluarga dan kelompok kekeluarganya.

Walaupun wanita tidak menonjol di hadapan¹¹, namun mereka tetap berada di belakang tabir. Kedudukan mereka di belakang tabir bukannya hanya setakat mendengar tetapi menjadi penentu dalam mencapai sesuatu keputusan. Wanita, terutamanya ibu soko mempunyai kuasa veto dalam semua perkara yang berkaitan dengan perjalanan kehidupan anggota masyarakat sebagai unit-unit kelompok kekeluargaan.

Adat Perpatih tidak sahaja memberi hak istimewa kepada wanita, tetapi telah memperuntukkan kekuatan ekonomi dalam bentuk mewarisi tanah, rumah, sawah, ladang dan dusun pusaka. Seandainya berlaku sebarang kecelakaan dalam kehidupan seperti kematian suami, perceraian dan sebagainya, wanita adat sepatutnya tidak bermasalah. Adat Perpatih telah memperuntukkan kepada mereka sumber hidup, bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk anak-anak serta kelompok kekeluarganya¹².

Akhir kata, kelestarian kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat, khususnya masyarakat Adat Perpatih bergantung kepada wanita itu sendiri dan kemampuannya. Mereka yang harus memilih sama ada untuk bertahan dan mempertahankan nilai-nilai adat yang dimiliki oleh masyarakat yang dianggotainya atau menghilangkan kedudukan dan peranan mereka dalam kehidupannya sebagai ibu soko atau peti benian masyarakatnya. Jika mereka memilih bertahan dan mempertahankan, mereka kekal sebagai ibu soko dan peti benian yang dimuliakan, berkarisma dan berkewibawaan. Jika mereka memilih sebaliknya, maka mereka tidak dapat lagi dianggap sebagai *wanita adat* dan *beradat*.

Nota:

¹ Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Pesta Persukuan Adat Perpatih dan Makanan Tradisional Negeri Sembilan Darul Khusus* anjuran bersama Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang diadakan di kampus UKM Bangi pada 19 Disember 2005.

² Pakar rujuk budaya dan sejarah Muzium Adat dan Penilaian Dampak Sosial (*Social Impact Assessment*) bagi Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah.

³ Suku-suku tersebut ialah (1) Biduanda, (2) Seri Melenggang/Semelenggang, (3) Seri Lemak/Selemak, (4) Anak Acheh, (5) Tiga Nenek, (6) Tiga Batu, (7) Batu Belang, (8) Paya Kumbuh/Pekumbuh, (9) Mungkal, (10) Tanah Datar/Tedatar, (11) Batu Hampar, dan (12) Anak Acheh.

⁴ *Kodin* erti saudara. *Berkodin* maksudnya bersaudara. Adat berkodin terbahagi kepada dua kategori:

1. *kodin adat* disebut juga sebagai adat *berkodin selayar atap dan sebilah lantai*. Kodin jenis ini yang dikatakan sebagai *masuk suku*. Individu yang dikodinkan dianggap sebagai menumpang bersaudara dalam suku yang mengambilnya sebagai anak angkat.
2. *kodin adat dan pusaka* disebut juga sebagai adat *berkodin aur serumpun*. Taraf kodin ini lebih tinggi daripada kodin adat dan istiadatnya lebih kompleks dan melibatkan banyak pihak.. Berkodin jenis ini hanya kepada anak perempuan sahaja. Tujuan utama menurunkan titisan darah keluarga yang mengambil anak angkat, dan seterusnya boleh mewarisi harta pusaka dan gelaran pusaka adat.
- ⁵ *Pertahanan* merupakan kegiatan bersawah padi yang merangkumi istiadat berpuar, istiadat menyikat padi, istiadat menurunkan benih, istiadat menyemai, mencangkul sawah, merumput, mengubah dan menuai.
- ⁶ Dalam struktur kepimpinan adat, ketua yang paling rendah ialah kadim. Namun dalam organisasi politik kadim tidak banyak berperanan. Peranan kadim lebih kepada kegiatan sosial dan ekonomi.
- ⁷ Sebelum tahun 1898, undang juga dipanggil penghulu. Tetapi selepas tarikh tersebut, gelaran undang diberikan kepada ketua adat empat buah luak iaitu Jelevu, Johol, Rembau dan Sungai Ujong. Luak yang empat ini kini dikenali sebagai Luak Berundang.
- ⁸ Mulai tahun 1898, lima buah luak iaitu Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Terachi dan Inas dikelompokkan menjadi Luak Tanah Mengandung bawah naungan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Gelaran pemimpin tertinggi luak-luak tersebut dikekalkan dengan panggilan penghulu.
- ⁹ Ibu soko ialah wanita yang paling berpengetahuan dan berpengalaman tentang perjalanan adat khususnya tentang salasilah kelompok kekeluargaannya. Dengan kata lain ibu soko merupakan pakar rujuk berkaitan dengan hal ehwal adat, baik segi sosial, ekonomi atau politik.
- ¹⁰ Selain mendahului zaman dalam aspek gerakan kewanitaan, jika difahami dan dihalusi akan falsafah dan semangat Adat Perpatih, adat ini telah mendahului barat mengamalkan ideologi-ideologi demokrasi, kapitalis, sosialis, pembahagian tenaga (*division of labour*) dan amalan-amalan hidup bermasyarakat lain yang dianggap oleh orang barat dan generasi Melayu hari ini sebagai moden.
- ¹¹ Wanita Adat Perpatih tidak menonjol kehadapan kerana sebagai orang beradat, mereka harus mematuhi aturan sumbang adat. Dalam konteks tradisional, terdapat 12 jenis sumbang yang harus dielakkan oleh wanita adat iaitu: (1) sumbang duduk, (2) sumbang berdiri, (3) sumbang diam, (4) sumbang perjalanan, (5) sumbang perkataan, (6) sumbang penglihatan, (7) sumbang pakaian, (8) sumbang pergaulan, (9) sumbang pekerjaan, (10) sumbang pertanyaan, (11) sumbang jawapan, dan (12) sumbang kerenah.
- ¹² Pernyataan ini hingga akhir tahun 1970-an mempunyai kebenaran 99%. Dalam satu penyelidikan tentang pelacuran daripada semua kelas dalam bandar Kuala Lumpur dan beberapa buah bandar besar lain di Semenanjung Malaysia didapati hanya seorang sahaja daripada 1,283 orang pelacur yang dikaji berasal daripada masyarakat adat.

Bibliografi

- Azis Ujang. *Penyesuaian Adat dan Syarak bagi Kedudukan Wanita Beradat Perpatih di Kg. Teruan*. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1975.
- Azizah Kassim. *Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1970.
- Azizah Kassim. *Kedudukan Wanita dalam Masyarakat Adat Perpatih dalam abad Kedua Puluh*. *Manusia dan Masyarakat*. 1974.
- Azizah Kassim. *A Matrilineal Society in the Context of Development*. *Federation Museum Journal*. 21 (New Series). 1976.
- Azizah Kassim. *Wanita dan Pemilikan Tanah dalam Masyarakat Adat Perpatih*. *Ilmu Masyarakat*. 1986.

- Azizah Kassim. Women, Land and Gender Relations in Negeri Sembilan: Some Preliminary Findings. *Southeast Asian Studies*. Vol. 26(2). 1988.
- Azizah Kassim. Patterns of Land Ownership and Inheritance for Agricultural Developments. *Southeast Asian Studies*. Vol. 27(3). 1989.
- Azizah Kassim. Women in Adat Perpatih Society. dlm. Nellie S.L. Tan-Wong & Vipil Patel (ed.). *Adat Perpatih*. Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. 1992.
- Hermayulis SH., Dr. Peranan dan Kedudukan Wanita dalam Amalan Adat Melayu. *Kertas kerja* yang dibentangkan dalam Seminar Peranan Penghulu Penggawa dalam Memartabatkan Adat Melayu, anjuran Institut Seni Malaysia Melaka pada 19 September 2005.
- Josselin de Jong, P.E. A Review of Gullick's Indegenous Political systems of Werstern Malaya. *Bijdragen Tot de Taal-Laud-en Volkenkunde*. 116. 1960.
- Khalid bin Bonget PK. PJK., Dato' Seri Maharaja. *Adat Berkodin dalam Luak Ulu Muar*. Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan. Seremban. 1999.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Pelacur oh Pelacur*. Masa Entreprises. Kajang. 1992.
- Norhalim Hj. Ibrahim. The Vanishing Culture of Adat Perpatih. dlm. Nellie S.L. Tan-Wong & Vipil Patel (ed.). *Adat Perpatih*. Wintrac (WWB/Malaysia) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. 1992.
- Norhalim Hj. Ibrahim. *Wanita: Antara Setia dan Air Mata*. Masa Entreprise. Kajang. 1994.
- Norhalim Hj. Ibrahim. Peranan kepimpinan dalam Adat Perpatih. *Warisan*. 21. 1997.
- Norhalim Hj. Ibrahim. Perbezaan dan Persamaan Adat Perpatih dan Temenggung di Malaysia, *Kertas kerja* yang dibentangkan dalam Seminar Peranan Penghulu Penggawa dalam Memartabatkan Adat Melayu, anjuran Institut Seni Malaysia Melaka pada 19 September 2005.
- Norhalim Hj. Ibrahim. Wanita Adat Perpatih. *Kertas kerja* untuk ceramah Peranan Wanita dalam Adat Perpatih, anjuran Lembaga Muzium Negeri di Perkampungan Budaya Terachi pada 28 September 2005.
- Peletz, M.G. *Social History and Evolution in the Inter-relationship of Adat and Islam in Rembau, Negeri Sembilan*. Institute of Southeast Asian Studies. 1981.
- Peletz, M.G. Female Heirship and the Autonomy of Women in Negeri Sembilan, West Malaysia. *Research in Economic Anthropology*. 8. 1981.
- Peletz, M.G. *A Share of the Harvest*. University of California Press. Berkeley. 1988.
- Stivens, M. Women, Kinship and Capitalist Development. dlm. Young K. et. al (ed.). *Of Marriage and the Market*. C.S.E. Books. London. 1981.
- Stivens, M. *Sexual Politics in Rembau: Female Autonomy, Matriliney, and Agrarian Change in Negeri Sembilan, Malaysia*. University of Kent at Canterbury. 1985.
- Stivens, M. Women, Kinship and Economy in Rembau, Negeri Sembilan. Tesis Ph. D. London School of Economics, University of London. 1987.

-
- Stivens, M. *Matriliny and Modernity Sexual Politics and Social Change in Rural Malaysia*. Allen & Unwin. St. Leonards, 1996.
- Swift, M. G. Men and Women in Malay Society. dlm. Ward. B. (ed.). *Women in New Asia*. Unesco. Paris. 1963.
- Swift, M. G. *Malay Peasant Society in Jelevu*. The Athlone Press. London. 1965.
- Tunku Noraidah T. A. Rahman. *Negeri Sembilan: A Preliminary Bibliography*. Perpustakaan Univerisit Malaya. Kuala Lumpur. 1984.